

14 OCT 1996

Mahathir-Rekabentuk

PM MAHU KAJIAN MENGENAI TREN REKABENTUK NEGARA

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kajian dibuat terhadap tren rekabentuk bagi produk keluaran Malaysia terutamanya untuk pasaran dunia.

"Mungkin juga kita mencipta rekabentuk kita tersendiri yang berlainan daripada tren semasa, tetapi ini mempunyai risikonya, melainkan jika kita sudah menjadi market leader yang dapat set the trend," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Rekabentuk Malaysia 96 dan melancarkan Malaysia Goods Design Mark di sebuah hotel di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia masih dalam fasa awal dan belum mempunyai produk keluarannya yang diterima sebagai market leader.

Bagaimanapun Malaysia boleh memperkenalkan identiti negara dengan jenama dan ciri-ciri tertentu yang membezakan sedikit rupa bentuk produknya daripada yang lain.

Perdana Menteri mengingatkan pereka supaya sentiasa sedar dengan aliran dalam pasaran dunia semasa mencipta rekabentuk produk negara kerana perbezaan yang terlalu radikal mungkin sukar diterima oleh pasaran antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, rekabentuk tidak harus terhad kepada produk semata-mata malah harus meliputi rekabentuk bungkusan agar ia dapat menarik perhatian pembeli, walaupun bungkusan itu mungkin mahal tetapi ia akan menjadikan barangan seperti pen dan jam lebih menarik.

Produk dari Malaysia juga tidak harus terhad kepada barangan yang dibuat daripada bahan-bahan tempatan seperti getah, kayu atau timah.

"Kita harus mampu mengimport bahan mentah dari luar negeri untuk diproses menjadi barang pengguna bagi kegunaan dalam negeri dan lebih penting daripada itu untuk dieksport secara besar-besaran," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara Jepun yang miskin dari segi sumber alam berjaya menjadi pengeluar dan pengeksport yang besar dengan mengimport bahan-bahan tertentu, menambahkan nilai dengan memproses bahan-bahan itu menjadi barangan buatan dan mengeksportnya.

Pada mulanya barangan buatan Jepun terkenal kerana murah tetapi berkualiti rendah, bagaimanapun mereka kemudian mengubah strategi dan mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi serta mempunyai rekabentuk yang amat menarik sesuai dengan selera pembeli di pasaran-pasaran tertentu, katanya.

Katanya, orang Jepun tidak mengutamakan selera mereka sendiri untuk barangan eksport dan kejayaan pendekatan Jepun itu amat jelas sekali.

Dr Mahathir berkata, seperti juga dengan Jepun, Malaysia bergantung kepada eksport untuk menjayakan ekonominya kerana pasaran dalam negeri adalah terlalu kecil untuk membantu pembangunan ekonomi negara.

"Justeru itu, kita perlu mengambil kira selera pasaran luar jika kita ingin eksport untuk membantu pertumbuhan ekonomi kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, pasaran dunia yang terbesar terdapat di Eropah dan Amerika Utara dan pasaran-pasaran itu amat sensitif kepada rekabentuk produk. Jika rekabentuk tidak menarik, mereka akan menolak barangan itu walaupun harganya murah dan kualitinya baik.

"Bahawa kita mampu mengeluarkan barangan yang berkualiti tinggi yang mudah diterima oleh pasaran luar adalah jelas daripada begitu banyak barangan dengan jenama terkenal yang dibuat di Malaysia yang dijual di Eropah dan Amerika," katanya.

Perdana Menteri mahu institusi latihan, badan-badan yang terlibat dengan rekabentuk, dengan penentuan standard, penyelidikan dan pembangunan

seperti Pusat CAD/CAM National, Perkhidmatan Prototype Pantas Sirim dan Persatuan Senireka Perindustrian Malaysia (MIDS) supaya sedar mengenai hakikat pentingnya trend rekabentuk terkini dalam penghasilan produk untuk pasaran dunia.

Mengenai pewujudan "Tanda Rekabentuk Baik Malaysia", Dr Mahathir percaya ia akan membantu menaikkan kualiti rekabentuk produk negara ini sementara Anugerah Pereka Muda Malaysia 96 akan menggalakkan kefahaman dan prestasi rekabentuk di kalangan pereka Malaysia.

Pada akhir majlis itu Perdana Menteri menyampaikan Anugerah Pereka Muda Malaysia itu kepada lima pemenang.

Mereka ialah Christopher Chan Chee Keong/Yee Hing Sin untuk rekacipta ringan amor (dinding), Ng Tien Hon bagi rekacipta klip mudah, Mohd Shaleh M. Mujir bagi rekacipta sistem pembahagian ubat, ketiga-tiganya bagi kategori profesional, sementara bagi kategori pelajar senior para pemenang ialah Shahrul Izham Mohd Rawi untuk rekacipta Mini Moving Board dan Lim Ming Wei bagi rekacipta topik keledar.

Seramai 160 orang peserta terdiri daripada pengeluar, perunding rekabentuk, pensyarah dan pelajar universiti serta wakil-wakil kementerian dan jabatan kerajaan mengikuti persidangan selama tiga hari itu.

Bagi pameran yang berlangsung sepanjang persidangan di Hotel Shangri-La itu pula, sejumlah 23 institusi mempamerkan rekacipta masing-masing.

-- BERNAMA

AFY AHH